

03 MAY 1998

Anwar-Jepun

EKONOMI: JEPUN DIMINTA SEGERA BERTINDAK

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengulangi saranan Asean dan pemimpin antarabangsa supaya Jepun mengambil langkah segera bagi merangsang ekonominya.

Ini adalah "kritikal" kerana jika tidak, keadaan ekonomi Jepun sekarang tidak akan memberi sebarang kesan positif terhadap kadar faedah dan pelaburan di rantau ini, kata Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Jepun, Keizo Obuchi, di Carcosa Seri Negara di sini, Anwar berkata beliau memberitahu Obuchi bahawa jika, umpamanya, Jepun memutuskan untuk mengurangkan kadar faedahnya, lebih banyak produk Asean dan rantau ini akan dapat menembusi pasaran Jepun.

Jepun telah mengumumkan bahawa ia sedang mengambil langkah-langkah untuk merangsang ekonominya bagi membantu negara-negara di Asia yang telahpun terjejas teruk akibat krisis ekonomi.

Antara lain, Jepun telah mengurangkan cukai-cukai, memperkenalkan pakej kewangan untuk merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi dalam sektor pengeluaran dan pembinaan dan menyediakan pinjaman tambahan untuk syarikat-syarikatnya melabur di luar negeri.

"Sambil kita menyambut baik langkah-langkah ini, kita juga ingin melihat semua ini dilaksanakan dengan segera kerana mereka (kerajaan Jepun) perlu membentangkannya kepada Diet (Parlimen Jepun), membahaskannya, dan dengan mengangap Diet meluluskannya, mereka perlu melaksanakannya dengan cepat.

"Apa yang dibimbangkan ialah pakej itu akan mengambil masa yang terlalu lama untuk dilaksanakan," katanya.

Anwar berkata Obuchi juga menawarkan RM300 juta sebagai bantuan kewangan kepada para pelajar Malaysia yang menuntut di Jepun bagi membantu mengurangkan beban kewangan mereka berikutan kemerosotan nilai Ringgit.

Obuchi, yang mengetuai delegasi 26 anggota, adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini.

Semasa di sini, Obuchi akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu hubungan dua hala dan peranan Jepun dalam menangani krisis kewangan Asia.

Terdahulu, Anwar mengadakan pertemuan 30 minit dengan Menteri Negara bagi Koordinator Bidang Ekonomi, Kewangan dan Industri Indonesia Prof Dr Ginandjar Kartasasmita di tempat yang sama.

Ginandjar, kata Anwar, memberitahunya mengenai perbincangan Indonesia dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) berhubung pakej bantuan IMF.

Beliau berkata Lembaga IMF akan mengadakan mesyuarat esok untuk memutuskan pakej yang akan diberikan kepada Indonesia.

Anwar memberitahu Ginandjar bahawa Malaysia akan terus membantu Indonesia memandangkan pemulihan negara itu bukan sahaja penting dari segi ekonomi bagi negara-negara jiran tetapi juga akan membantu memulihkan keyakinan pelabur dan mengurangkan masalah sosial yang dibawa oleh pendatang tanpa izin Indonesia ke negara ini.

Ketika ditanya sama beliau membincangkan kemungkinan syarikat-syarikat Malaysia membeli saham dalam syarikat-syarikat Indonesia, yang merupakan sebahagian daripada usaha reformasi Indonesia, Anwar berkata mereka tidak membincangkannya secara terperinci.

Bagaimanapun, Anwar berkata kerajaan, sambil menggalakkan sektor swasta berbuat demikian, akan membiarkannya ditentukan oleh syarikat-syarikat itu

kerana "mereka mempunyai pengetahuan mengenai persekitaran ekonomi di Indonesia".

Mengenai sama ada Malaysia akan mematuhi cadangan IMF supaya Malaysia terus memperketatkan dasar kewangannya, Anwar berkata : " Dasar kita secara umumnya memang merupakan dasar kewangan yang ketat. Persoalan mengenai pengurangan telah pun diperkatakan (sebelum ini) tetapi IMF telah menggalakkan kita supaya mengambil langkah-langkah ketat seterusnya.

"Saya akan mengkaji nasihat mereka dengan serius tetapi secara umumnya, saya berpuas hati bahawa kita mampu menguruskan kadar itu megikut keperluan kita, " katanya.

Ketika diminta mengulas langkah Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk menarik balik kebenaran bagi Omega Securities menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaannya, Anwar berkata: "Tindakan seperti itu diambil berdasarkan fakta." Beliau tidak mengulas lanjut.

SC berkata ia telah memutuskan untuk tidak memberikan kebenaran itu kerana defisit besar yang perlu ditangani Omega Securities jika ia ingin menyambung perniagaannya.

-- BERNAMA

RA NAK